



Selamat Datang  
Ke Laman Portal  
Universiti Putra Malaysia

UTAMA | FAKTA & ANGKA | DIREKTORI KAKITANGAN | LOKASI | PETA LAMAN | SOALAN LAZIM | HUBUNGI KAMI

CARI

Khamis, November 24, 2016

MENGENAI KAMI | PENYELIDIKAN | AKADEMIK | JARINGAN | ANTARABANGSA | KEHIDUPAN KAMPUS | PERKHIDMATAN

| A- | A+ | EN | RU | AR

## BERITA »

### Eco-Zyme mempercepat urai gentian kenaf kepada tiga hari

Oleh Azman Zakaria  
Foto by Noor Azreen Awang



**SERDANG, 16 Nov** - Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya membangunkan Eco-Zyme, sejenis enzim yang diekstrak daripada mikrob tempatan untuk membantu proses penguraian gentian kenaf.

Ia berfungsi memecah bahan yang mengikat gentian kenaf di dalam satu rumpun dan mengeluarkan gentian kenaf tunggal daripadanya.

Eco-Zyme dibangunkan oleh kumpulan lima orang penyelidik diketuai pensyarah Jabatan Mikrobiologi, Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Prof. Madya Dr. Wan Zuhainis Saad.

Beliau berkata, antara kelebihan Eco-Zyme ialah ia mempercepatkan tempoh penguraian gentian kenaf kepada hanya tiga hari berbanding tiga hingga empat minggu menggunakan teknologi sedia ada.

"Eco-Zyme juga mampu menghasilkan gentian kenaf berkualiti tinggi yang lebih bersih, kuat dan panjang.

"Tindak balasnya juga spesifik yang tidak merosakkan komponen gentian yang lain," katanya dalam sidang media pada Pameran Reka Cipta Penyelidikan dan Inovasi 2016 (PRPI 16) di sini.



Beliau berkata teknologinya juga mudah digunakan, mesra alam dan memberi tindakan yang berkesan dalam masa yang lebih singkat.

Katanya, penyelidikan untuk membangunkan Eco-Zyme bermula pada 2012 dan selesai tahun lalu. Teknologi itu yang sudah dipatenkan, kini dalam peringkat "upscaling".

Prof. Madya Dr. Wan Zuhainis berkata produk yang dihasilkan itu mampu membantu golongan penanam kenaf dan pengeluar gentian kenaf dalam meningkatkan produktiviti hasil pengeluaran gentian.

Syarikat yang menjalankan projek berasaskan gentian kenaf pula katanya, boleh mendapatkan bekalan gentian kenaf berkualiti tinggi untuk dijadikan produk seperti bahan binaan biokomposit, perabot, tekstil dan komponen automotif.

Produk itu memenangi pingat emas pada PRPI 2016 dan sudah menerima *letter of interest* daripada beberapa syarikat dan agensi ekoran potensinya yang besar untuk pengkomersilan. - UPM

